



**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg./Prof./Prof. Ulung/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PINDAAN PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 12/2020 :

PEMAKLUMAN AWAL MENGENAI PENUTUPAN SEMENTARA BEKALAN ELEKTRIK DI KAMPUS UKM BANGI PADA 27 MAC 2020 SEHINGGA 31 MAC 2020 BAGI KERJA FIZIKAL YANG KRITIKAL SEPERTI BERIKUT:

- i. **MEMBAIK PULIH KEROSAKAN TRANSFORMER 15MVA NO.1 DI PENCAWANG MASUKAN UTAMA 33kV; DAN**
- ii. **PENGGANTIAN 15 UNIT SWITCHGEAR BAHARU DI PENCAWANG PENGAGIHAN UTAMA KOLEJ DATO' ONN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA, BANGI, SELANGOR**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas dan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.12/2020 bertarikh 19 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan edaran Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 12/2020 telah memaklumkan bahawa pihak Prasarana-UKM akan melaksanakan perkara berikut:

- a. Membaik Pulih Kerosakan Transformer 15MVA No. 1 Di Pencawang Masukan Utama 33kV; dan
- b. 15 Unit *Switchgear* Baharu Di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn, UKM Bangi, Selangor.

3. Walau bagaimanapun, **Prasarana-UKM hanya akan meneruskan pelaksanaan** bagi perkara 2 (a) iaitu membaik pulih kerosakan besar terhadap Transformer 15MVA No.1 di Pencawang Masukan Utama 33kV, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor memandangkan kerosakan ini merupakan suatu yang kritikal dan boleh mendatangkan kesan di luar jangka sekiranya proses pembaikan tidak dilaksanakan dengan segera.

4. Bagi perkara 2 (b) iaitu kerja-kerja **penggantian 15 unit switchgear** baharu di Pencawang Pengagihan Utama Kolej Dato' Onn adalah **DITANGGUHKAN** susulan pihak Prasarana-UKM telah menerima surat Syarikat Kejuruteraan Warisan Teknik Sdn. Bhd. (Syarikat yang dilantik) bertarikh 20 Mac 2020 mengenai permohonan penangguhan tarikh pelaksanaan tugas tersebut atas justifikasi berikut:

- a. Berikutan penularan wabak COVID-19, pihak Syarikat bimbang dengan keselamatan pekerjaannya dan tidak dapat membekalkan pekerja yang terbahagi kepada kumpulan pemasangan (*Installer* dari Pulau Pinang), kumpulan pekerja penyambungan (*Jointer*) kabel baharu dengan *switchgear* dan pekerja sokongan berjumlah lebih daripada 30 orang.



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

5. Sehubungan itu, bagi tujuan pelaksanaan, kerja pembaikan kerosakan besar Transformer 15MVA No.1 di Pencawang Masukan Utama 33kV UKM, maka bekalan tenaga elektrik yang terpaksa dihentikan adalah meliputi meliputi 65% kawasan kampus (berbanding 85% seperti yang dimaklumkan sebelum ini).

6. Bekalan elektrik tersebut akan dihentikan sepenuhnya bermula **27 Mac 2020 (Jumaat) pada jam 6.00 petang sehingga 31 Mac 2020 (Selasa) pada jam 11.30 malam**. Bagi tujuan ini, Prasarana-UKM telah menyusun semula keperluan beban kuasa yang boleh ditanggung oleh Transformer 15MVA No.2 dan memberikan bekalan elektrik kepada Bangunan/ Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti yang disenaraikan dalam **Perenggan 7**.

7. Berikut merupakan senarai Bangunan/ PTj yang akan **terus menerima bekalan elektrik** dalam tempoh yang dinyatakan:

a. Kolej Kediaman:

- Kolej Keris Mas (KKM)
- Kolej Ibu Zain (KIZ)
- Kolej Rahim Kajai (KRK)
- Kolej Dato' Onn (KDO)
- Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)
- Kolej Aminuddin Baki (KAB)
- Kolej Ungku Omar (KUO)
- Kolej Ibrahim Yaakub (KIY)
- Kolej Burhanuddin Helmi (KBH)
- Kolej Pendeta Za'ba (KPZ)

b. Fakulti:

- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal Tambahan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Tumbuhan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Rumah Haiwan
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Nuklear
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Biologi
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Fizik
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Kimia
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Sains Matematik / Geologi
- Fakulti Sains & Teknologi (FST) - Makmal ABSL
- Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses
- Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina (FKAB) - Bangunan Inovasi

c. Institut:

- INBIOSIS
- SELFUEL
- SERI
- IMEN
- IPI – Pusat ANGKASA



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

- d. **Pusat Perkhidmatan:**
- Pusat Teknologi Maklumat (PTM)
 - Pusat Kesihatan Universiti
 - Makmal i-CRIM (Kompleks Penyelidikan)
 - Makmal Bioserasi
 - Pusat Islam (Masjid UKM)
 - Unit Kenderaan
 - Wisma Aman (Bahagian Keselamatan)
 - Prasarana-UKM
 - Perpustakaan – PTSL (Bahagian Media Aras 2 & Bilik Server)
 - Pusat Hal-ehwal Pelajar (Bangunan Pusanika)
 - Pusat Perumahan Pelajar (Bangunan Pusanika)
- e. **Tangki Air:**
- Tangki Air Utama di KKM
 - Tangki Air KPZ
 - Tangki Air KIZ
 - Tangki Air KIY
 - Tangki Air Pusat GENIUS@Pintar Negara
- f. **Loji Rawatan Kumbahan:**
- Pintu Masuk Utama UKM
 - KPZ
 - KKM – Blok 15 (Wanita)
 - KKM – Lingkungan Johan
 - Pusat Kesihatan
 - FKAB (Guard House)
 - FKAB Baru
 - Rumah Tumbuhan FST
 - Rumah Haiwan FST
 - Pusat GENIUS@Pintar Negara
 - INBIOSIS
- g. **Lain-lain Bangunan:**
- Bangunan UNIKEB
 - *District Cooling System (DCS)* Lingkungan 2
 - Pusat GENIUS@Pintar Negara
 - Bangunan Pusanika

PTJ yang tidak disenaraikan akan terkesan secara langsung dari segi bekalan elektrik, air, telefon dan internet yang bergantung kepada bekalan elektrik akibat penutupan sementara bekalan elektrik ini.

8. Sehubungan itu, pihak Universiti memohon kerjasama semua pihak bagi kelancaran segala urusan berkaitan perkara ini. Pihak PTJ boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan kerja-kerja pembaikan elektrik ini kepada **Encik Mohamad Shahril Hussain, Ketua Unit Elektrik, Prasarana-UKM (03-8921 5376/ 5959/ 013-3983505)**. Manakala, pertanyaan berkaitan pelajar boleh diajukan kepada **En. Khaizulnizam Mohamad Zuldin, Timbalan Pengarah, Pusat Perumahan pelajar UKM**.



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

Kerjasama dan perhatian YBhg./Prof./Prof. ULUNG/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/ Puan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'

Yang benar,



DR. HJH. INA MD YASIN

Pendaftar

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM: Kategori Utiliti

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Tmbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah Prasarana-UKM
 - Pengarah Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my